NAMA: _____

Menulis

TARIKH: 2 SEPTEMBER 2021

Buku Teks Halaman 112 – Kisah Penggiat Seni Telepuk

SK	:	**3.3**	**Membina dan menulis perkataan, frasa, dan ayat dengan betul.**
SP	:	**3.3.3**	**Membina dan menulis jawapan secara kritis dan kreatif dengan betul.**

Puan Rogayah ialah ibu saudara Izuni. Beliau merupakan penggiat seni telepuk yang ternama. Kemahiran beliau dalam seni telepuk amat dihargai dan diiktiraf oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Pada suatu hari, beliau telah diundang ke festival kesenian di ibu kota. Semasa berada di sana, beliau terpandang akan seseorang yang amat dikenalinya suatu ketika dahulu.

" Itu Cikgu Azimah, bekas guru Pendidikan Seniku," bisik hati Puan Rogayah.

Secara tiba-tiba, peristiwa yang berlaku kira-kira 20 tahun yang lalu menerjah ingatannya. Ketika itu, dia masih di bangku sekolah.

"Apakah maksud telepuk, cikgu?" tanya Rogayah. Sebelum itu, Cikgu Azimah telah menunjukkan sehelai kain telepuk yang cantik kepada murid-muridnya di dalam kelas.

"Telepuk bermaksud bunga-bungaan dan corak-corak lain yang diperbuat daripada perada emas," jawab Cikgu Azimah.

" Perada itu apa, cikgu?" Rogayah bertanya dengan lebih lanjut.

"Perada ialah serbuk berwarna emas. Dalam proses menelepuk, perada akan dilekatkan di atas kain untuk menghasilkan motif tertentu. S perada emas, peralatan yang digunakan dalam proses menelepuk ialah gam Arab, pelbagai corak sarang bunga kayu berukir, sudip buluh dan berus," jelas Cikgu Azimah lagi.

"Adakah seni telepuk ini akan kekal 20 tahun akan datang, cikgu?" Rogayah menimbulkan persoalan.

"Selagi masyarakat kita menghargai warisan seni bangsa, cikgu yakin bahawa seni ini akan terus terpelihara. Mungkin suatu hari nanti kamu akan menjadi penggiat seni telepuk yang ternama, Rogayah. Siapa tahu?" Cikgu Azimah membuat ramalan.

Kini, ramalan Cikgu Azimah itu menjadi kenyataan.



LIVEWORKSHEETS

Jawab soalan-soalan pemahaman berikut berdasarkan petikan di atas.

1. Siapakah Cikgu Azimah ?

_____

2. Apakah maksud telepuk ?

_____

3. Bagaimanakah proses menelepuk dilakukan ?

_____

_____

4. Mengapakah kita perlu menghargai warisan seni bangsa ?

_____

_____

5. Ramalkan masa depan seni telepuk di negara kita.

_____

_____

Kita perlu menghargai warisan seni bangsa kerana warisan turun-temurun ini merupakan sesuatu yang unik dan melambangkan jati diri sesuatu bangsa.

Telepuk bermaksud bunga-bungaan dan corak-corak lain yang diperbuat daripada perada emas.

Seni telepuk akan berkembang maju dan menjadi perniagaan yang mendatangkan pulangan besar kepada pengusahanya.

Dalam proses menelepuk, perada akan dilekatkan di atas kain untuk menghasilkan motit tertentu. Selain perada emas, peralatan yang digunakan gam Arab,pelbagai corak sarang bunga kayu berukir sudip buluh dan berus.

Cikgu Azimah ialah bekas guru Pendidikan Seni Puan Rogayah.

LIVEWORKSHEETS

A. Pilih kata sendi yang betul.

Kesihatan merupakan harta yang paling berharga (bagi / kepada) kita. Oleh itu, kita perlu sentiasa menjaga kesihatan. Untuk menjaga kesihatan, kita perlu menjaga pemakanan. Kita harus kurangkan makan makanan yang mengandungi lemak tinggi. Selain itu, kita juga perlu memastikan makanan supaya tidak terdedah kepada lalat, debu dan sebagainya. Makanan ini telah tercemar (sebab / tetapi) lalat boleh mengeluarkan telur (dan / dari) dapat membiak dalam masa yang singkat. Oleh itu, kita perlulah menutup makanan kita (atau / bagi) menghindarkan daripada tercemar.

B. Suaikan ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang tepat.

1) Untuk menghasilkan venu, buluh_____ matang digunakan.		*untuk*
2) Tomborin bukan sahaja unik pada rupanya _____ juga berkualiti dari segi pembuatannya.		*agar*
3) Pesawah hendaklah memilih benih yang terbaik _____ direndam selama24 jam.		*yang*
4) Alur perlu dibuat pada petak-petak itu _____ benih padi tidak dihanyutkan air.		*dan*
5) Tanah yang telah dibalut itu perlu diikat hujung _____ pangkalnya.		*tetapi*

LIVEWORKSHEETS